

PREMIS DIDENDA RM 16,000.00 DI MAHKAMAH SESYEN, MELAKA

8 April 2022, MELAKA - Satu premis yang menjalankan aktiviti peleburan sekunder aluminium telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen, Melaka pada hari ini.

Premis telah mengaku bersalah ke atas pertuduhan di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 iaitu gagal mengemukakan Pemberitahuan Bertulis kepada Ketua Pengarah Alam Sekeliling dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 16,000.00 atau 4 bulan penjara.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak akan berkompromi terhadap penjenayah yang melakukan sebarang jenis pencemaran alam sekitar. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan.doe.gov.my/eaduan/index.php>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water



JABATAN ALAM SEKITAR MELAKA

KES MAHKAMAH

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974

MAHKAMAH SESYEN
MELAKA

PERTUDUHAN KE ATAS SYARIKAT

TRIMAX METAL SDN. BHD
No. 12, Jalan TTC 8,
Taman Teknologi Cheng,
Melaka

Tarikh Kesalahan : 15 Julai 2021

Kesalahan di bawah Peraturan 5,
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam
Sekeliling (Udara Bersih) 2014 iaitu
gagal mengemukakan Pemberitahuan
Bertulis kepada Ketua Pengarah
Kualiti Alam Sekeliling

HUKUMAN KE ATAS SYARIKAT

OKS MENGAKU SALAH
PADA 8 APRIL 2022

DENDA

RM 16,000.00
ATAU
4 BULAN PENJARA

